

KEMELUT PEMECATAN LIM TEONG KIM

'Saya tiada niat jahat!'

Oleh Firdaus Hashim

firdaushashim@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Saya datang ke Perak FC dengan baik dan nak tinggalkan Perak FC dengan cara baik. Tiada niat jahat."

Itu kata bekas pengendali Perak FC, Datuk Lim Teong Kim yang tampil di Jabatan Perhubungan Perusahaan di Ipoh, semalam bagi menuntut pampasan baki kontrak yang belum dijelaskan Perak FC selepas memecatnya pada 24 Mei lalu.

Jelas bekas jurulatih akademi Bayern Munich di Jerman itu, beliau bersama peguamnya ke Jabatan Perhubungan Perusahaan bagi membuat representasi berkenaan pemecatan yang tidak sah mengikut Seksyen 20 (1) Akta Perhubungan Pe-

Tuntut pampasan baki kontrak belum dijelaskan Perak FC

rusahaan 1967.

Menurutnya, beliau memahami asam garam dalam dunia bola sepak di mana apabila keputusan atau prestasi merudum, pihak kelab boleh memecat jurulatih.

Namun, tindakannya hadir membuat aduan kerana menuntut pampasan di mana kontraknya sepatutnya berakhir pada musim depan.

"Saya fikir ini bukan kerana saya sahaja, saya tiada ego...saya terima banyak pencapaian dalam karier bola sepak, jadi ini adalah (dipecat) sebahagian daripada bola sepak. Ia normal. Ada jurulatih di Bayern Munich, jurulatih Chelsea pun kena pekat. Jadi ia tiada apa-apa," katanya.

Menurut Teong Kim, beliau tidak mahu bermusuh dengan mana-mana pihak termasuk pengurusan ter-

tinggi Perak FC.

Sebaliknya beliau menyanjung tinggi Pengurus Perak FC, Datuk Seri Abdul Azim Mohd Zabidi yang banyak membantu dan menyokongnya selama ini.

Sementara itu, peguam yang mewakili Teong Kim iaitu Adam Yap berkata, tindakan Perak FC menamatkan kontrak anak guamnya disifatkan sebagai tidak sah atapun pramatang.

"Kami membuat satu re-prentasi atas alasan penamatan kontrak beliau (Datuk Lim Teong Kim) yang serta merta pada 24 Mei baru-baru ini adalah satu penamatan kontrak pramatang kerana kontraknya dengan Perak FC adalah dua tahun.

"Jadi hanya berjangsung lapan bulan dan ditamatkan serta merta, jadi kami berpendapat ia penamatan kontrak pramatang dan jumlah kepada satu pembuangan kerja yang tidak sah dan tidak adli. Datuk di sini mempunyai hak undang-undang buat aduan ke atas

Perak FC," kata Adam.

Pada 25 Mei lalu, Perak FC mengumumkan Teong Kim tidak lagi bersama pasukan Liga Super itu berkat kuasa serta merta dan keputusan itu susulan aksi hambar Bos Gaurus. Untuk rekod, Perak hanya memenangi dua perlawanan Liga Super selain seri tiga kali dan tewas tujuh kali di bawah kendalian Teong Kim.

Lim Teong Kim



LIM